

JUDUL : *Becita Hacion*

TARIKH : *Rakui, 19 September 2012*

M/S : *34*

34 **SASTERA**

© RABU 19 SEPTEMBER 2012

BH

FORUM

Musyawarah Agung Penulis Cerita Silat 2012

Musyawarah Agung Penulis Cerita Silat 2012 sempena Festival Penulis dan Kebudayaan Borobudur 2012 akan diadakan di Borobudur, Jawa Tengah, Indonesia, pada 29 hingga 31 Oktober ini.

Forum itu bakal disertai novelis karya persilatan, ahli arkeologi, sejarawan dan penerbit buku genre sejarah, selain komuniti sejarah, karya seni mempertanyakan diri Cina dan pesilat.

Tajuk perbincangan ialah *Imaginasi dalam Ruang Kosong Sejarah Nusantara*, *Kontroversi Gajah Mada dalam Perspektif Fiksyen dan Sejarah*, *Sriwijaya dalam Prosa dan Arkeologi*, *Kontroversi Syekh Siti Djenar dalam Sastra dan Agama*, *SH Mintardja dan Mataram serta Napak Tilas Nusantara*. Maklumat lanjut, layari laman Facebook melalui carian Borobudur Writer and Cultural Festival 2012.

PROGRAM

Pesta Buku UPSI Ke-10

Pesta Buku Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Ke-10 sempena Program Ilmu dan Budaya Membaca Perputakaan Tuanku Bainun akan diadakan di Dewan SITC, UPSI, Tanjung Malim, pada 24 hingga 29 September ini, jam 9 pagi hingga 7 malam.

Sebanyak 27 syarikat pembekal buku dan ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) akan menjayakan pesta anjuran bersama Perputakaan Tuanku Bainun dan Penerbit UPSI, selain penerbit Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Pesta Buku UPSI 2012 adalah yang terbesar dalam sejarah penganjurannya sejak 2003, manakala maklumat lanjut hubungi Mohd Razalli Ahmad Termizi di talian 013-5253038 atau Rami Mosmin (019-3661972).




Bahasa pasar 'racun' minda

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bharian.com.my

Mutakhir ini terlalu banyak novel popular yang membanjiri pasaran menggunakan bahasa pasar pada kadar yang tidak terkawal, sehingga ada sesetengah daripada pengarang yang terbahat dalam penghasilan karya sedemikian tidak segan silu memakai bahasa kasar.

Alasan yang diberikan ialah untuk menarik perhatian pembaca dan peminat kerana novel sedemikian mampu mencatat jualan laris, selain dikatakan tidak memeningkan kepala dan sarat berbanding penggunaan bahasa puitis yang kononnya terlalu 'sastera'.

Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Dr Naffi Mat, menyifatkan penggunaan bahasa pasar dalam karya seperti lak (pulak), kut-kut, selain bahasa slanga, tidak mempamerkan estetikta sedangkan ia adalah antara ciri dalam karya sastera.



» **Penggunaan bahasa rojak dan lucah dalam novel lebih kepada tarikan komersial**

"Kecenderungan penggunaan bahasa pasar atau merojakkan bahasa dalam karya memperlihatkan pengarang tidak memiliki disiplin yang tinggi untuk memupuk pembaca atau peminat tegarnya agar menguasai bahasa dengan baik.

"Sekiranya, pengarang merojakkan bahasa secara tidak langsung pengarang melatih, mengajak dan bersekolok untuk meracun fikiran pembaca dengan bahasa rojak, selain bersubhat melahirkan penutur bahasa rojak," ujarnya ketika diminta *BH Sastera* mengulas perkara tersebut.

Novel cinta karya Habiburrahman el-Syirazi dijadikan contoh yang tiada bahasa 'rojak' dan nilai estetikanya tinggi, tetapi tetap laris di pasaran sehingga jumlah pembaca mencecah ratusan ribu pembaca menjangkau semesta negara, selain

novelnya menjadi bahan kajian sarjana.

"Banyak novel yang menggunakan bahasa pasar laris di pasaran membolehkan pengarangnya mengutip pulangan lumayan, namun mereka perlu sedar tanggungjawab kepada pembaca. Pengarang sepatutnya mampu menarik peminatnya tanpa perlu merosakkan bahasa," tegasnya yang juga seorang penyair veteran.

Dr Naffi memuji novelis karya popular seperti Ahadiat Akashah, Nurhayati Ibrahim atau Syarifah Abu Saleh yang novelnya laris dan punya ribuan peminat, tetapi dalam masa sama menjaga penggunaan nilai bahasa dan tatabahasa.

Pensyarah Kanan, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Kamariah Kamarudin, sependapat de-

ngan Dr Naffi apabila sependapat bahawa penggunaan bahasa pasar hanya mencemarkan dunia persuratan Melayu.

"Penggunaan gaya bahasa pasar dalam novel akan memberi nilai tambah dari sudut komersial. Jika benar sekalipun, ia bukan sekadar membunuh dunia persuratan Melayu, bahkan membenamkan dunia kreativiti serta imaginasi khalayak lantaran terlalu disuakan perkara ini.

"Tidak cukupkah mereka disogokkan dengan bahasa pasar setiap hari melalui televisyen, radio, laman sosial, blog, majalah dan pesanan ringkas? Mengapa mesti gejala ini menjadi ikutan dalam novel pula?" katanya yang juga seorang novelis.

Beliu kesal dan kecewa dengan perkembangan itu kerana ia turut mempengaruhi penuntut di institut pengajian tinggi sehingga mereka malas membaca karya

Debar Ahadiat Akashah

Oleh Adli Shahar
adli@bharian.com.my

Novelis, Ahadiat Akashah, berdebar dan gusar menanti sambutan terhadap filem *Untuk Tiga Hari* yang diadaptasi dari novelnya dengan judul sama yang akan disiarkan pada 20 September ini, meskipun ini bukan kali pertama karyanya diangkat ke layar perak.

"Saya sangat gusar menanti reaksi daripada khalayak filem terutama mereka yang sudah terlebih dulu membaca karya itu dalam bentuk novel, meskipun

yakin dengan kemampuan pengarah filem itu, Afidin Shaiki, dalam mengolah semula novel kisah cinta yang ditulis pada 2005.

"Saya pasti pembaca novel ini pasti mengharapkan versi filem lebih menarik. Afidin lebih dikenali dengan filem komedi, manakala *Untuk Tiga Hari* adalah filem cinta pertama arahnya, namun selepas menontonya saya yakin dengan kemampuannya mengolah naskah cinta yang padat dengan adegan lucu sekali gus merunglai air mata," katanya ketika dihubungi *Sastera BH*.

Sastera BH diberitahu, novelnya itu mendapat perhatian dari-

pada syarikat penerbitan filem, Tarantella Pictures (M) Sdn Bhd, selepas kejayaan mereka menerbitkan dua novel ke layar perak, *Legenda Budak Setan* dan *Omak Rindu*, dengan judul sama.

"Saya difahamkan mereka ingin muncul sebagai penerbit utama filem yang di adaptasi daripada novel tempatan. Mereka berani mengambil risiko mengadaptasi *Untuk Tiga Hari* kerana naskah berkenaan mendapat sambutan daripada pembaca novel," katanya.

Ahadiat yang turut bertindak sebagai penulis skrip bagi filem itu berkata, ini adalah skrip filem yang ke-4 yang ditanganinya sele-



pas menulis skrip filem *Matilda* dan *Legenda Budak Setan* serta skrip filem *Ratu Kampung* yang masih belum diterbitkan.

"Saya tidak keberatan memenuhi permintaan menulis skrip filem *Untuk Tiga Hari* kerana sebelum ini saya sudah pun menghasilkan beberapa skrip lain dan pernah menghasilkan sejumlah